



## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### PENUTUPAN SEMENTARA PUSAT SAINS NEGARA DAN PLANETARIUM NEGARA BERIKUTAN PENULARAN JANGKITAN NOVEL CORONAVIRUS (COVID-19)

---

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini telah mengarahkan agar Pusat Sains Negara (PSN) dan Planetarium Negara (PN) ditutup sementara sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak dalam usaha membendung kemungkinan jangkitan Novel Coronavirus (COVID-19). Sebagai langkah berjaga-jaga terutama ketika musim cuti sekolah, YB Menteri MOSTI turut mengarahkan agar PSN dan PN tidak menerima kunjungan dari orang ramai mulai awal pagi ini.

Semua warga MOSTI termasuk PSN dan PN diingatkan agar mematuhi sepenuhnya *Standard Operating Procedure (SOP)* pengawalan penularan jangkitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh KKM.

Penjagaan kesihatan diri yang baik juga perlu diamalkan oleh semua pihak pada setiap masa dan sekiranya mengalami gejala jangkitan, diminta untuk menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran atau Pusat Kesiapsiagaan dan Respon Krisis (CPRC) Kebangsaan. Perkembangan terkini jangkitan COVID-19 boleh diperolehi melalui laman web rasmi KKM. MOSTI mengambil berat berhubung penularan COVID-19 dan akan bekerjasama rapat dengan KKM dalam mendepani gejala ini.

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

16 Mac 2020